

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN
JABATAN KEJURUTERAAN**

Bil(22)dlm.MDBG.SULIT/S22/2019

Tarikh : 27 Jun 2019

NOTIS SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA : 36/2019)

SEBUT HARGA UNTUK KONTRAKTOR BERTARAF BUMIPUTERA SAHAJA

Sebut harga ini terbuka kepada kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** serta mempunyai kelayakan dalam kod bidang **080101** (Kelengkapan Kemudahan Awam) bertaraf Bumiputera yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL.	BUTIR- BUTIR SEBUT HARGA	KELAYAKAN	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	No Sebut harga: 36/2019 Projek: MEMBEKAL DAN MEMASANG KEMUDAHAN RIADAH DAN PERABOT TAMAN DI SEKITAR BATU GAJAH.	Kelayakan Kementerian Kewangan KOD BIDANG 080101 (Kelengkapan Kemudahan Awam)	Tempat Taklimat: Bahagian Landskap, Majlis Daerah Batu Gajah Perak Darul Ridzuan. Tarikh: 04 Julai 2019 Jam: 9.00 Pagi Kehadiran : WAJIB	Tarikh Dijual: 04 Julai 2019 Waktu: 8.00 pg hingga 4.30 ptg (Isnin - Khamis) 8.00 pg hingga 12.00 t/hari 3.00 ptg hingga 4.30 ptg (Jumaat)	Bahagian Landskap, Majlis Daerah Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. Harga Dokumen: RM 50.00	Tarikh Tutup: 11 Julai 2019 Jam: 12.00 Tengahari

1. Lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas.
2. Kontraktor dikehendaki membawa Kad Pendaftaran Kontraktor MDBG/ Sijil pendaftaran Asal kontraktor dan dikemukakan semasa pendaftaran. (wakil tidak dibenarkan).
3. Pendaftaran kontraktor dengan Majlis Daerah Batu Gajah bagi tahun 2019 hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sehari sebelum tarikh lawatan tapak. Sekiranya gagal berbuat demikian kontraktor tidak layak memasuki sebut harga ini.

4. Kontraktor hendaklah memastikan bahawa sijil **Kementerian Kewangan** masih berkuatkuasa 3 bulan sebelum menghadiri lawatan tapak dan juga semasa memasuki sebut harga ini. Jika tempoh telah **tamat** pihak kontraktor **tidak dibenarkan** untuk menyertai sebut harga.
5. Kontraktor dikehendaki melampirkan salinan **resit bayaran** pada setiap **borang sebut harga** yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga**.
6. Semua borang sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA, DI JABATAN PERBENDAHARAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, 31000 BATU GAJAH** seperti di atas.
7. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
8. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah sekali atau mana-mana sebut harga yang disyorkan.



(**MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI**)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Batu Gajah,
Batu Gajah.